PENERBIT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

## GARIS PANDUAN

# GERAN PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN KARYA AGUNG

<table>
<tr><td>PENGENALAN</td><td colspan="2">Geran Penyelidikan dan Penerbitan Karya Agung ini memberikan tumpuan kepada penyelidikan dan seterusnya penerbitan karya ilmiah asli bermutu tinggi yang menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ilmu, budaya dan peradaban masyarakat tempatan, khususnya dalam konteks tamadun dan peradaban, serta sosiobudaya dan sosiopolitik, dengan penekanan kepada konteks wilayah utara Semenanjung Malaysia; yang sekali gus memperkaya khazanah ilmu yang berakar umbi daripada realiti setempat. Penerbitan karya agung ini bersifat malar segar dan berkepentingan sebagai sumber rujukan dan kajian berterusan dalam pelbagai disiplin. Usaha ini diharap dapat melengkapi ekosistem akademik dan masyarakat secara bersepadu demi kelestarian ilmu dalam memadankan pengetahuan, kepakaran dan sumber universiti dengan keperluan, aspirasi dan jangkaan masyarakat untuk mencapai manfaat bersama.</td></tr>
<tr><td>SYARAT DAN PERATURAN PERMOHONAN</td><td colspan="2">Setiap pemohon perlu mematuhi syarat-syarat berikut:<br>1. Terbuka kepada semua staf akademik (tetap/kontrak) universiti.<br>2. Kumpulan penyelidik mestilah tidak melebihi tiga (3) orang.<br>3. Penulis utama buku mesti daripada kalangan staf akademik USM sahaja.<br>4. Staf akademik lantikan kontrak yang memohon sebagai penyelidik utama mesti melantik sekurang-kurangnya satu (1) staf akademik tetap sebagai penyelidik utama pengganti.</td></tr>
<tr><td>TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN</td><td colspan="2">Tempoh maksimum yang dibenarkan bagi proses penyelidikan dan juga penerbitan adalah selama 18−24 bulan dengan pertimbangan satu (1) kali pelanjutan dengan maksimum enam (6) bulan sahaja.</td></tr>
<tr><td>DANA PERUNTUKAN</td><td colspan="2">Peruntukan maksimum adalah sebanyak RM20,000/projek.</td></tr>
<tr><td>PERATURAN KEWANGAN</td><td>Vot 21000<br>Perjalanan dan Pengangkutan</td><td>Perbelanjaan bagi perjalanan dan sara hidup.<br>Catatan:<br>Pindaan Vot tambahan ke Vot 21000 tidak dibenarkan.<br>Aktiviti pengumpulan data dalam negara; tidak boleh melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan geran.<br>Tidak membenarkan penyelidik untuk menghadiri persidangan, seminar, bengkel dan lawatan rasmi dalam dan luar negara.</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | **Vot 27000**<br>Bekalan dan Bahan Penyelidikan | Perbelanjaan bagi pembelian bekalan/bahan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja. |
| | **Vot 29000**<br>Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain | Meliputi perkhidmatan seperti pembayaran honorarium kepada pembantu bagi kerja-kerja jangka pendek.<br>Boleh digunakan bagi pembayaran kos penerbitan, meliputi honorarium penilaian, khidmat penyuntingan dan percetakan, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.<br>*Nota:*<br>Pembayaran honorarium kepada Penyelidik Utama atau Penyelidik Bersama adalah tidak dibenarkan.<br>Yuran persidangan tidak dibenarkan. |
| **LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN** | **Laporan Kemajuan dan Laporan Akhir** | 1. **Laporan Kemajuan**<br>Laporan kemajuan fizikal dan perbelanjaan projek perlu dikemukakan kepada Penerbit USM **setiap enam (6) bulan**.<br>2. **Laporan Akhir**<br>Laporan akhir penyelidikan dan penerbitan perlu dikemukakan kepada Penerbit USM dalam tempoh **satu (1) bulan selepas tamat tempoh geran**. |
| **HASIL PENYELIDIKAN** | Bagi setiap peruntukan yang diagihkan, projek mestilah menghasilkan sekurang-kurangnya **satu (1) buku ilmiah** (karya asli) untuk penerbitan oleh **Penerbit USM**.<br>Penghargaan kepada Geran Penyelidikan dan Penerbitan Karya Agung mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.<br>*Pencontoh penghargaan:*<br>“Dirakamkan penghargaan kepada USM atas peruntukan Geran Penyelidikan dan Penerbitan Karya Agung: XXX” | |
| **PROJEK GAGAL** | Projek yang gagal mencapai hasil jangkaan penyelidikan dan penerbitan akan disenarai hitam daripada memohon geran dalaman selama dua (2) tahun. Semua geran dalaman aktif akan dibekukan. | |
| **IMPAK PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN** | Setiap projek penyelidikan yang dicadangkan hendaklah mempunyai impak kepada ilmu (penemuan/teori baharu), industri dan/atau masyarakat. Penyelidik utama perlu menyatakan impak yang dijangka daripada penyelidikan dan penerbitan karya agung [tidak melebihi lima (5) ayat]. | |
| **ETIKA PENYELIDIKAN** | Semua penyelidikan yang menggunakan subjek manusia, haiwan dan *living modified organism* (LMO)/rDNA (*genetically modified organism*, GMO) perlu mendapat kelulusan JEPeM, JKPPH-USM dan Jawatankuasa Biokeselamatan USM (Biosafety) terlebih dahulu sebelum geran diaktifkan. | |

Borang Permohonan

# GERAN PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN KARYA AGUNG

| A | MAKLUMAT PERMOHONAN PROJEK |
|---|---|
| (i) | Tajuk penyelidikan yang dicadangkan: |
| (ii) | Kata kunci (minimum 3): |
| **B** | **MAKLUMAT PEMOHON** |
| (i) | Nama: |
| (ii) | Jawatan (sila tandakan kotak berkenaan):<br>☐ Profesor ☐ Prof. Madya ☐ Dr. ☐ Tuan/Puan |
| (iii) | Pusat pengajian/Institut/Pusat/Unit: |
| (iv) | No. telefon pejabat: Alamat e-mel:<br>No. telefon bimbit: |
| (v) | Jawatan akademik: |
| (vi) | Jenis perkhidmatan (sila tandakan kotak berkenaan):<br>☐ Tetap ☐ Kontrak (nyatakan tarikh tamat kontrak): |
| (vii) | Penyelidik/Penulis bersama: |

| Bil. | Nama | Pusat pengajian/ Institut/Pusat/Unit | Kelayakan akademik/Jawatan | Sumbangan penulisan | Tandatangan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | | | | | |
| 2 | | | | | |

| C | MAKLUMAT PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN |
|---|---|
| (i) | Tempoh penyelidikan:<br><br>Mula: Tamat: |
| (ii) | Bidang (sila tandakan kotak berkenaan):<br><br>☐ Sains, Teknologi dan Perubatan<br>☐ Ilmu Kemanusiaan dan Sains Sosial |
| (iii) | Cadangan penyelidikan:<br><br>(a) Ringkasan eksekutif:<br><br>(b) Latar belakang penyelidikan: |

| | |
|---|---|
| | (c) Objektif penyelidikan:<br><br>(d) Kaedah penyelidikan:<br><br>(e) Rujukan: |
| (iv) | Cadangan judul penerbitan:<br><br>(a) Perihal buku (lebih kurang 200 patah perkataan): |

(b) Judul, rangka penulisan dan senarai kandungan:

(c) Bilangan halaman:

(d) Keperluan halaman berwarna (sila berikan justifikasi):

(e) Carta perbatuan projek (sila perincikan perbatuan penyelidikan dan penerbitan):

| Bil. | Perincian perbatuan | Perancangan | |
|---|---|---|---|
| | | Bulan | Tahun |
| 1 | | | |
| 2 | | | |
| 3 | | | |

| | |
|---|---|
| | (f) Impak penyelidikan dan penerbitan (tidak melebihi lima (5) ayat):<br><br>(g) Pembaca sasaran dan anggaran bilangan pembaca: |
| (v) | Bajet (sila nyatakan anggaran bajet bagi cadangan penyelidikan): |

| Vot | Perincian dan justifikasi bajet | Amaun yang dipohon (RM) |
|---|---|---|
| **21000**<br>Perjalanan dan pengangkutan | | |
| **27000**<br>Bekalan dan bahan penyelidikan | | |
| **29000**<br>Perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain (kos penerbitan meliputi honorarium penilaian, khidmat penyuntingan dan percetakan) | | |
| | **JUMLAH** | |

| | |
|---|---|
| (vi) | Tandatangan pemohon:<br><br><br><br>Tarikh: |
| **D** | **SARANAN OLEH JAWATANKUASA PENILAIAN PERINGKAT PTJ** |
| (i) | Saranan (sila tandakan kotak berkenaan):<br>☐ **A. Sangat disokong**<br>☐ **B. Disokong**<br>☐ **C. Tidak disokong** |
| (ii) | Ulasan (umum / cadangan penambahbaikan / sebab penolakan): |
| | **Dengan ini, saya mengesahkan bahawa permohonan ini telah memenuhi kesemua kriteria yang diperlukan dan projek penyelidikan/penerbitan ini belum pernah dilaksanakan pada peringkat PP/PTJ.**<br><br><br>.......................................................................<br>Tandatangan dan Cap Dekan/Pengarah PTJ<br><br>Tarikh:<br><br>*Nota:* Semua permohonan dianggap sulit dan keputusan Jawatankuasa Penilaian Universiti adalah muktamad. |